

SIBER BULI

Bagaimana Menghadapinya?



Kebanyakkan kes pembulian yang dilaporkan pada masa kini melibatkan kanak-kanak

yang dibuli oleh rakan-rakan sebaya. Lazimnya, pembuli tersebut sama ada rakan sekelas atau bersekolah di tempat yang sama. Hal ini sangat membimbangkan kerana ia akan memberi kesan negatif yang mendalam terhadap perkembangan mental dan emosi mangsa-mangsa buli tersebut. Malah pembuli-pembuli ini bukan sahaja membuli mangsa-mangsa mereka secara terbuka tetapi juga di alam siber di mana mereka ini dipanggil sebagai pembuli siber.

Pembuli siber ini selalunya menggunakan telefon bimbit, SMS, e-mail, Facebook dan Twitter untuk melakukan sesuatu yang boleh memberi tekanan dan memalukan mangsa. Jadi, adik-adik perlulah mengetahui langkah-langkah wajar yang harus diambil jika merasakan diri adik menjadi mangsa kepada pembuli siber ini.

Berikut adalah beberapa langkah yang boleh adik-adik ambil:-

1 Beritahu kepada orang dewasa yang adik kenal dan percaya

Diingatkan bahawa adik tidak keseorangan dalam menghadapi masalah siber buli ini. Ramai orang di sekeliling adik-adik yang sentiasa mengambil berat mengenai adik-adik. Justeru, jangan hanya berdiam diri dan berahsia jika adik merasakan yang adik sudah menjadi mangsa kepada pembuli siber. Beritahu segera kepada ibu bapa, abang, kakak atau guru. Mereka yang menyayangi adik akan mengambil langkah-langkah yang perlu dengan memberi nasihat yang sangat berguna kepada adik untuk menghadapi pembuli siber ini.



2 Jangan membalas mesej atau e-mail daripada pembuli siber

Adik tidak perlu membalas mesej atau e-mail daripada pembuli siber. Walaupun kadang-kala adik ingin berbuat demikian untuk menunjukkan rasa marah dan benci terhadap perbuatan mereka. Pembuli siber selalunya akan merasa diri mereka diberi perhatian oleh mangsa apabila mereka mendapat balasan ke atas mesej atau e-mail. Mereka akan terus melakukan pembulian ke atas mangsa tersebut. Walaupun ia agak sukar, tetapi adik-adik perlu mengawal diri kerana ia dapat mengurangkan rasa "seronok" pembuli siber untuk terus membuli adik-adik. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna adik tidak perlu melaporkan perbuatan mereka kepada ibu bapa dan guru.

3 Jangan padam atau buang mesej-mesej daripada pembuli siber

Adik dinasihatkan supaya tidak membalas mesej atau e-mail daripada pembuli siber. Adik perlu menyimpan mesej dan e-mail tersebut supaya dapat dijadikan bukti yang kukuh semasa membuat laporan kepada pihak sekolah (jika pembuli siber tersebut adalah rakan sekolah) atau pihak polis. Dengan bukti yang ada, tindakan boleh diambil dengan lebih mudah.

4 Jangan bertemu dengan pembuli siber

Kadangkala pembuli siber sengaja untuk mengganggu adik secara berterusan dan mengajak untuk berjumpa di satu tempat yang dirancang. Jangan bertemu dengan pembuli siber, lebih-lebih lagi berseorangan kerana ini mungkin akan membahayakan diri adik.

5 Laporkan kepada pihak polis

Jika pembuli siber melakukan perbuatan yang tidak sepatutnya kepada adik secara berterusan, walaupun beberapa langkah awal telah diambil dan setelah amaran diberikan kepada mereka, jangan teragak-agak untuk melaporkannya kepada pihak polis. Ini dapat menyelamatkan adik daripada bahaya yang lebih besar.

Kesimpulan

Ini adalah langkah-langkah yang perlu adik ambil jika menjadi mangsa kepada pembuli siber. Namun, adik masih perlu sentiasa berhati-hati ketika melayari internet kerana pelbagai ancaman lain yang terdedah kepada kita semua ketika melayari internet.

Sekiranya anda perlukan sebarang bantuan, sila hubungi Pusat Bantuan Cyber999 melalui e-mel di cyber999@cybersecurity.my atau hubungi Talian Nur di 15999. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.cybersecurity.my dan www.cybersafe.my.